
[Bil.2 Okt 2018](#)

The logo for 'CREATE e-newsletter' is displayed on a dark blue background. The word 'CREATE' is in a large, white, sans-serif font, with the letter 'R' highlighted in yellow. Below it, the word 'e-newsletter' is written in a smaller, white, lowercase, sans-serif font. A thin yellow horizontal line is positioned below the text.

CREATE
e-newsletter

Forum Iklim Kebangsaan Monsun Timur Laut, peduli cuaca per



Forum Iklim Kebangsaan Monsun Timur Laut (FIK MTL) bertemakan 'Siap Siaga Tengkujuh, Peduli Cuaca Malaysia (MMD) dengan kerjasama Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 11 Oktober 2018 yang menyampaikan maklumat kepada agensi yang terlibat dalam pengurusan bencana, pihak media dan orang awam mengenai iklim, khususnya persiapan menghadapi Monsun Timur Laut pada penghujung tahun ini.

Penganjuran bersama ini dilihat sebagai medium terbaik dalam usaha untuk menerapkan kesedaran tentang iklim kepada para siswazah serta pelajar dari institusi pengajian tinggi.

Pertubuhan bukan kerajaan, universiti dan pelbagai sektor yang peka dan sensitif terhadap isu cuaca perlu meningkatkan kesiapsiagaan menghadapi bencana serta langkah-langkah persediaan bagi menghadapi musim tengkujuh.



Selain itu, forum ini turut memberi ruang dan peluang kepada para peserta untuk berkongsi pengalaman berkaitan cuaca, iklim dan pengurusan bencana.

Antara agensi yang terlibat adalah agensi pengurusan bencana pusat, negeri dan daerah, Agensi Pengurusan Kerajaan Negeri (SUK), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBP), Angkatan Pertahanan Awam (APM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), institusi pengajian tinggi.

Hadir merasmikan program Timbalan Ketua Setiausaha (Sains, Teknologi dan Inovasi), Kementerian Tenaga Kerja, Pengangkutan dan Perubahan Iklim, Profesor Madya Dr. Ramzah Dambul, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Dr. Yusoff, Ketua Pengarah, Jabatan Meteorologi Malaysia, Alui Bahari, Pengarah Pusat Iklim Nasional, Dr. Fauziah, Ketua Awam & Sumber Alam (FKASA), Dr. Mohamad Idris Ali.

Dalam ucapannya, Profesor Madya Dr. Ramzah memuji kolaborasi kedua-dua pihak ini dalam usaha mempromosikan

Beliau percaya kerjasama dalam penerapan kesedaran tentang cuaca dan iklim melalui sumber kepakaran yang digunakan bagi membantu meningkatkan kecekapan operasi cuaca MMD.

“Ini sekaligus membolehkan tindak balas bantuan yang lebih pantas dan berkesan oleh agensi-agensinya.

Sementara itu, menurut Profesor Dato’ Dr. Mashitah, kedudukan Pantai Timur Semenanjung Malaysia mendedahkan negeri-negeri di zon ini kepada impak cuaca dan bencana yang dibawa oleh Monsun Timur.



“Musibah banjir besar yang pernah melanda negeri-negeri Pahang, Kelantan dan Terengganu pada tahun 2007 memerlukan penelitian saintifik secara mendalam mengenai impak Monsun Timur Laut terhadap keselamatan dan kesihatan serta sosioekonomi setempat.

“Sejak tahun 2007, UMP sentiasa proaktif berperanan dalam memberikan khidmat sokongan sukarela

pelbagai agensi kerajaan, badan swasta dan pertubuhan sukarela semasa bencana banjir, khasnya di n
teks ucapan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim di Dewan Astaka UMP Kampu

Selain itu, pada masa yang sama, UMP juga terpanggil untuk mengembangkan potensi dan kapasiti pe
penelitian terhadap perubahan iklim, risiko cuaca, impak geoteknikal, kawalan bencana, dan pengurusan
negara kita bagi menghadapi bencana alam.

Dalam majlis yang sama turut berlangsung pelancaran buku '*Disaster in Malaysia-Tomorrow is a Mystery*' y
besar yang berlaku antara tahun 2000 hingga 2015 oleh sekumpulan penyelidik dari FKASA.

Turut berlangsung pembentangan kertas kerja dan forum yang membincangkan Tinjauan Monsun Tim
Ahmad Fairudz Jamaluddin (MMD) dan Pengaruh Iklim Monsun Timur Laut Terhadap Reka Bentuk Bangun
Dekan (Akademik & Hal Ehwal Pelajar) FKASA, Noram Irwam Ramli.

Manakala Ir. Rajaselvam a/l Govindaraju (JPS) pula berkongsi pengalaman tentang 'Sistem Amaran
(NADMA) mengenai 'Kesiapsiagaan Menghadapi Monsun Timur Laut 2018/2019'.

Lebih 500 orang hadir dan berpeluang menyaksikan pameran terbuka melibatkan pelbagai agensi berkaita

Usia bukan penghalang buat Ir. Khairul Azmi untuk mempu



Oleh: ALIN BASTANI

Minat yang mendalam dalam bidang Kejuruteraan membuatkan Ir. Khairul Azmi Mohd Yusoff, 30 b
Engineer daripada Board of Engineers Malaysia (BEM) pada tahun 2017 bagi menambah gelaran 'Ir.' dalam

Bukan itu sahaja, oleh sebab pengajiannya yang diambilnya sebelum ini sedikit berbeza dengan kerjayanya
tambahan di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) berkaitan dengan elektrik.

Pada tahun 2011, beliau memperoleh Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektrik (Elektronik) daripada Fakulti Ke
kini bekerja sepenuhnya dalam bidang jangka kuasa elektrik (Electrical Power) sebagai Resident Engineer



Menurut Ir. Azmi Yusoff, beliau kini sedang mengusahakan Projek Ikano Toppen Shopping Mall di Tekong, Singapura, di bawah jenama terkenal IKEA.

Beliau bertanggungjawab untuk mereka bentuk, mengawasi dan menyelia pemasangan elektrik serta pemeliharaan piawaian yang ditetapkan.

“Projek yang dijangka siap pada April 2019 ini berpotensi untuk menarik minat ribuan pengunjung dari Singapura. Projek Toppen Shopping Mall sekaligus dapat meningkatkan dan menjana pertumbuhan ekonomi negeri Johor dan Malaysia.”

“Projek besar sebegini lazimnya mempunyai risiko yang tinggi dari segi keselamatan di tapak projek.”

“Oleh itu, segala peraturan keselamatan wajib dipatuhi dan semua pekerja perlulah sentiasa berwenang dikurangkan,” ujarnya.

Mengimbas kembali zaman kanak-kanaknya, Ir. Azmi Yusoff menyimpan hasrat untuk menjadi seorang bidang Kejuruteraan sewaktu menuntut di Kolej Matrikulasi.

Beliau juga tidak pernah melupakan jasa pensyarah FKEE, Fairuz Rizal Mohamad Rashidi kerana menyuarakan dan mudah difahami.



Beliau berpuas hati dan gembira apabila berjaya menyiapkan sesuatu projek. Ini kerana beliau berpeluang

ilmu yang diterima sewaktu menuntut dahulu. Semua itu digunakan sepenuhnya dalam semua projek-projek yang dinikmati oleh orang awam.

Selain itu, beliau sentiasa mendapat sokongan penuh daripada ibu bapa dan isteri yang menjadi penaja dan penyokong. Beliau juga berkecimpung dalam Kejuruteraan serta berjaya memperoleh gelaran 'Ir.' pada usia muda.

Baginya, gelaran Ir. yang dipegang itu merupakan suatu pencapaian yang amat membanggakan.

Ujarnya sebelum mengakhiri wawancara, beliau berpesan kepada semua pelajar Kejuruteraan di UMP agar berambisi, berinovasi, menjaga tingkah laku dan jati diri setelah memasuki alam pekerjaan.

"Ini kerana seorang graduan bukan membawa nama diri sendiri sahaja, malah keluarga, masyarakat, universiti dan negara."

Sudah tiba masanya pendidikan integriti diperkenalkan



Oleh: DR HASNAH HUSSEIN
e-mel: hasnah@ump.edu.my

Dalam kesibukan negara kita memfokuskan kepada pembangunan sains, teknologi dan perindustrian, integriti dipandang sepi dan dilihat tidak mempunyai tempat dalam usaha pembangunan modal insan. Melihat kepada generasi yang semakin tinggi tanpa mengira pangkat dan darjat, sudah sampai masanya kita memandangkan ke bawah dalam mendidik generasi yang bakal mewarisi pemerintahan dan pembangunan negara sebelum ini. Integriti adalah sensitif di negara ini. Ia merupakan isu yang perlu ditangani agar tidak terus menjadi barah kepada negara dan menghancurkan tamadun bangsa Malaysia pada masa hadapan.

Berdasarkan statistik tangkapan rasuah oleh Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) bermula dari tahun 2010, ia memperlihatkan bahawa masyarakat Malaysia semakin longgar integritinya. Berdasarkan statistik tersebut, integriti semakin rendah dalam kalangan sektor perkhidmatan awam dan orang awam. Bagi sektor perkhidmatan awam, kebanyakan tangkapan rasuah adalah dalam kalangan golongan pengurusan dan profesional. Manakala bagi sektor awam pula, golongan yang paling banyak ditangkap adalah orang awam berbanding dengan pekerja swasta. Secara kasarnya, jika dilihat pada statistik tangkapan rasuah, 70 peratus penjawat awam yang ditangkap berbanding dengan 30 peratus tangkapan dalam kalangan orang awam. Ini memperlihatkan sebanyak 55.65 peratus tangkapan telah dibuat dalam kalangan penjawat awam berbanding dengan orang awam. Secara umumnya, terdapat kenaikan dan penurunan peratus tangkapan bagi kedua-dua sektor.

pengurusan dan profesional serta orang awam banyak yang terlibat dengan isu yang melibatkan integriti ini

Persoalannya bagaimanakah untuk mengatasi dan mengurangkan masalah integriti ini dari terus menular hari ini dan pada masa akan datang? Dalam hal ini, kita perlu berbalik semula kepada sistem pendidikan sedaya upaya mahu agar rakyatnya celik teknologi agar tidak ketinggalan dalam arus globalisasi yang me pendidikan integriti seharusnya diperkemaskan dan dinilai semula agar ia menjadi nilai penting yang perlu negara ini. Justeru, nilai bersih dan amanah perlu dinilai semula agar ia menjadi sebahagian dari pendidikan generasi muda.

Pemupukan nilai-nilai murni seperti ini sebenarnya telah dilancarkan pada pertengahan April 1982, oleh memfokuskan kempen Bersih, Cekap dan Amanah sebagai satu dasar yang menjadi amalan kepada s kakitangan awam. Konsep ini adalah selaras dan sebagai asas kepada Kempen Kepimpinan Melalui Te seperti Bersih, Cekap dan Amanah telah dijadikan sebagai wadah atau asas dalam membangunkan integri diperhalusi semula sesuai dengan keperluan negara pada masa kini. Di sini diterangkan semula apaka Cekap dan Amanah tersebut.

Nilai Bersih

Jika berdasarkan kepada teras nilai Bersih yang diutarakan oleh YAB Tun Dr. Mahathir Mohamed, Bersih tinggi, bertatertib dan berdisiplin, tidak menyeleweng dan tidak rasuah. Secara amnya, ada tiga perkara memihak ke mana-mana atau berat sebelah, tidak mementingkan diri sendiri dan tidak khianat, hasad dan

Penerapan nilai Bersih dalam diri pelajar ini bukan sahaja membawa maksud bersih dari segi penampilan elemen negatif yang boleh merosakkan diri, agama, bangsa dan negara. Para pelajar harus disedarkan menjadi mahasiswa lagi. Pelajar perlu didisiplinkan dengan penampilan yang sentiasa kemas semasa kebersihan di bilik asrama, kampus dan juga kelas. Itu penerapan nilai bersih secara fizikal. Manakala pe adalah pelajar perlu didisiplinkan dari aspek tidak mengamalkan budaya 'copy paste' iaitu mencipta mempraktikkan hasil kerja original dan membentuk paten sendiri dalam penghasilan sesuatu kerja. Sela dengan budaya negatif yang boleh merosakkan akhlak dan sahsiah seperti perjudian, lepak, dadah, vandalism, berpuak-puak, dan memihak kepada pihak tertentu. Pelajar juga tidak boleh mementingkan diri secara berkumpulan, serta mengikis sikap iri hati dan dengki sesama sendiri.

Nilai Cekap

Remaja masa kini perlu mempunyai semangat berani dalam membuat sesuatu keputusan. Justeru, p Berdasarkan kepada nilai yang dikemukakan melalui Cekap adalah membawa maksud berani dan ce perkara seperti:

- a. Menghadapi krisis dengan tenang
- b. Bersikap tegas kepada prinsip.
- c. Mempunyai produktiviti yang tinggi dan kualiti dalam kerja.
- d. Mempunyai keyakinan diri.
- e. Berpandangan jauh - proaktif dan bukan reaktif.
- f. Berpengetahuan, berpengalaman dan mahir dalam bidang-bidang tertentu.

Kesemua elemen di atas dilihat kurang dipraktikkan oleh generasi muda hari ini. Disebabkan pengaruh dig kurang berdaya saing, berkeyakinan, kurang jatidiri dan sebagainya. Diharap apa yang dinyatakan tidak dijelmakan melalui perbuatan. Justeru, pengamalan di dalam dan luar kelas adalah perlu. Dalam hal ini memastikan elemen-elemen tersebut dipraktikkan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.

Amanah

Manakala nilai Amanah membawa maksud rela dan cuba menjalankan tugas dan tanggungjawab yang ditentukan dengan penuh gigit dan ikhlas bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Mempunyai sifat luhur dan organisasi. Oleh itu dalam menggapai hasrat ini, pihak kerajaan telah mempraktikkan nilai-nilai tersebut melalui langkah-langkah tertentu seperti menggunakan kad perakam waktu, fail meja, dan sebagainya. Pada pelajar IPT pula adalah pada kehadiran ke kelas, menggalakkan pelajar menghasilkan karya asli yang berbeza di luar kampus.

Walaupun pada hakikatnya, penerapan nilai-nilai integriti dilihat memfokuskan kepada pembentukan peribadi cuba mendidik pelajar atau generasi baru akan pentingnya nilai amanah dan tanggungjawab yang perlu dilakukan termasuklah tidak mengamalkan rasuah.

Penulis ialah Pensyarah Kanan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang

Sidang Editorial

PENAUNG

Profesor Dato' Sri ts. Dr. Daing Nasir Ibrahim
daing@ump.edu.my

KETUA EDITOR

Saiful Bahri Ahmad Bakarim
saifulbahri@ump.edu.my

EDITOR

Safriza Haji Baharuddin
[safriza@ump.edu.my](mailto:sufriza@ump.edu.my)

WARTAWAN/PENULIS

Mimi Rabita Abdul Wahit
mimirabita@ump.edu.my

Nadira Hana Ab. Hamid
nadira@ump.edu.my

Nur Hartini Mohd Hatta
nurhartini@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris
salwana@ump.edu.my

PENTADBIR WEB

MOHD SUHAIMI BIN HASSAN
mohdsuhaimi@ump.edu.my

PEREKA GRAFIK

Noor Azhar Abd Rasid
noorazhar@ump.edu.my

JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil
khairul@ump.edu.my

Muhammad Naufal Samsudin
naufal@ump.edu.my

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz
lin@ump.edu.my

Sidang Editorial berhak melakukan penyuntingan selagi tidak mengubah isi tulisan. Karya yang mencerminkan pendapat dan sikap Buletin e-0 semula tanpa kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab atas kesalahan yang terdapat dalam artikel yang dipos.

Segala sumbangan yang dikirimkan sama ada melalui pos atau e-mel. Sumbangan karya boleh dihantar melalui e-Mel.

EDITOR

Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Canseleri Tun Abdul Razak
Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur
Tel.: 09-424 5000
Faks: 09-424 5055
e-Mel: [safriza@ump.edu.my](mailto:sufriza@ump.edu.my)



5-Star World Class Technological University
www.ump.edu.my




Green

We 
We Care



• 172 views

[View PDF](#)